

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Abu Dhabi Malaysia Investment Corporation, syarikat pelaburan usaha sama antara 1MDB Global Investment Limited dengan Aabar Investments PJS. Apakah kedudukan pinjaman US\$3 bilion untuk tujuan di atas dan di mana wang ini dilaburkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Abu Dhabi Malaysia Investment Corporation (ADMIC) telah ditubuhkan sebagai syarikat usaha sama di antara 1MDB Global Investment Limited, anak syarikat milik penuh 1MDB dengan Aabar Investments PJS dengan masing-masing memegang ekuiti 50:50.

2. Daripada jumlah pinjaman USD3 bilion yang diperoleh, sebanyak USD1.5 bilion adalah untuk komitmen 1MDB Global Investment Limited di dalam syarikat usahasama tersebut dan baki selebihnya adalah untuk kegunaan lain seperti peluang pelaburan (*investment opportunities*, dengan izin) di dalam pelbagai sektor.